



PEMANDANGAN udara projek Parcel F di Putrajaya.

## Perolehan SunCon RM2.26 bilion

**KUALA LUMPUR 25 Feb.** – Sunway Construction Group Berhad (SunCon) mencatatkan perolehan RM2.26 bilion dan untung sebelum cukai (PBT) melonjak sebanyak 8.5 peratus kepada RM183 juta bagi tempoh 12 bulan berakhir 31 Disember 2018 berbanding RM168.7 juta bagi tempoh sama tahun sebelumnya.

Pengarah Urusan Kumpulan SunCon, Chung Soo Kiong berkata, sebagai perbandingan tahun ke tahun untuk suku keempat segmen pembinaan merekodkan perolehan sebanyak RM595.3 juta berbanding RM721.7 juta manakala PBT meningkat daripada RM38.3 juta kepada RM50.2 juta.

Katanya, perolehan yang lebih tinggi dalam suku sebelumnya dipacu oleh kemajuan projek Parcel F di Putrajaya dan Sekolah Antarabangsa Kuala Lumpur dalam tempoh berkenaan.

“SunCon mencadangkan dividen interim kedua sebanyak 3.5 sen sesaham untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 menjadikan dividen keseluruhan berjumlah tujuh sen sesaham.

“Jumlah dividen yang diisytiharkan itu adalah lebih 60 peratus daripada keuntungan selepas cukai setahun penuh dan saham minoriti,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambah Soo Kiong, pihaknya baru-baru ini mendapat kontrak bernilai RM781 juta daripada Tenaga Nasional



**CHUNG SOO KIONG**

Berhad (TNB) untuk pembangunan kampus induk TNB (fasa dua) yang membawa kepada jumlah projek sedia ada sebanyak RM6 bilion.

Katanya, keadaan itu memberikan prospek pendapatan kumpulan yang baik bagi tempoh dua tahun akan datang.

“Kami akan lebih aktif mencari projek-projek baharu sama ada dalaman atau luaran dan berharap dapat mencapai sasaran tempahan baharu sebanyak RM1.5 bilion untuk tahun kewangan berakhir 2019.

“Sebagai tambahan, kami akan meneruskan usaha meneroka peluang baharu di Myanmar serta India dan berharap akan mendapat kontrak baharu,” ujarnya.